

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 12/7/2016

Muka surat: 6

Tajuk : Unimas terajui kajian bahasa Meirek, elak pupus ditelan zaman

## UNIMAS terajui kajian bahasa Meirek, elak pupus ditelan zaman

**MIRI:** Dalam usaha memastikan bahasa Meirek, antara bahasa pertuturan tertua di dunia daripada berdepan risiko kepupusan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengambil langkah melaksanakan satu kajian menyeluruh mengenainya.

Dekan Pengajian Bahasa Unimas Dr Norazuna Norahim berkata kajian bagi memelihara bahasa itu mula dijalankan pada 2014 dan dijangka berakhir pada Ogos ini.

"Projek dua tahun itu berjaya

mengumpul dan mendokumentasi 2,500

perkataan setakat ini dengan tujuan menghasilkan kamus pertama bahasa Meirek," katanya kepada Bernama mengenai projek itu, yang dijalankan dengan dana kerajaan berjumlah RM57,000.

Bagaimanapun, katanya, perkataan yang dikumpul itu hanya merujuk kepada senarai kata sahaja dan tidak termasuk bahasa lisan.

Beliau berkata UNIMAS akan

meneruskan lagi kajian bahasa Meirek walaupun selepas tempohnya berakhir Ogos ini bagi memastikan bahasa itu terus dipelihara.

Dr Norazuna berkata penerbitan sesebuah kamus kebiasaannya mengambil masa di antara lima hingga tujuh tahun dan ia memerlukan kerjasama serta komitmen komuniti Meirek berikutan kerumitan bahasa Meirek itu sendiri.

— Bernama